

10 DEC 1999

Profil-Fong

FONG GANTI AH LEK SEBAGAI MENTERI SUMBER MANUSIA

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Selepas berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Pendidikan selama sembilan tahun, Datuk Dr Fong Chan Onn akhirnya dilantik sebagai menteri penuh dalam kabinet baru Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Fong, 46, bekas seorang ahli akademik, hari ini dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia yang baru. Beliau mengambil alih jawatan itu dari Datuk Lim Ah Lek yang tidak bertanding pada pilihan raya umum 29 Nov lalu.

Fong adalah antara lima timbalan menteri dinaikkan sebagai menteri penuh dalam barisan kabinet baru yang diumumkan hari ini.

Sebelum dilantik dalam kabinet pada Oktober 1990, Dr Fong adalah Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

Dr Fong menjadi pensyarah di fakulti itu tahun 1974 sebelum menjawat beberapa jawatan kanan di fakulti yang sama dan memperolehi ijazah kedoktoran (Ph.D) dalam bidang penyelidikan operasi/ekonomi industri dari Universiti Rochester, New York tahun 1974.

Dr Fong yang menyertai program pertukaran profesor Fullbright di Sekolah Perniagaan Siswazah Universiti Stanford di California pada 1980, pernah berkhidmat sebagai fellow Yayasan Jepun di Institut Pembangunan Ekonomi pada tahun 1979.

Beliau meletakkan jawatan sebagai dekan untuk bertanding kerusi Parlimen Selandar pada pilihan raya umum 1990, yang beliau menangi dan mengekalkan kerusi itu pada pilihan raya umum 1995 dan 1999.

Dr Fong mengekalkan jawatan naib presiden MCA pada pemilihan parti itu baru-baru ini. Beliau memegang jawatan itu sejak 1996.

Beliau juga ialah pengerusi Biro Ekonomi parti itu.

Dr Fong dan isteri Datin Tan Lay Hwa mempunyai tiga orang anak.

-- BERNAMA

NHD HS zb